

DARIPADA MANUSIA UNTUK MANUSIA

Nurul Farwizah binti Zainuddin

1202331

Universiti Sains Islam Malaysia

“Sadaqallahulazim”, bisik Qayyum. Dia meletakkan Al-Quran pemberian ibu di atas meja. Menjadi rutin untuknya, membaca sekurang-kurangnya dua muka surat sehari. Masih terbayang terjemahan ayat yang baru ditadabbur sebentar tadi;

“Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).” Ar-Rum, ayat 41. Jelas, Allah sudah memberi peringatan, tetapi asbab ego dan keinginan manusia yang tiada batas maka tetap berlaku kerosakan.

Qayyum berharap, semua warga di sini mengambil iktibar, daripada peristiwa hitam yang berlaku di kampung ini.

Qayyum, seorang pemuda biasa yang mengambil keputusan untuk pulang menetap di kampung setelah menamatkan pengajian di menara gadingnya. Semuanya hanya untuk ibu. Bukan dia tidak mendapat tawaran untuk bekerja di bandar, tetapi dia mahu menjaga ibu di kampung. Lagi pula, berada di kampung lebih menenangkan. Yang paling penting, lebih mudah untuk dia pergi ke tempat kegemarannya; laut. Entahlah. Ada ketenangan di laut yang tiada di tempat lain. Hanya laut. Cukuplah enam tahun dia terpaksa berjauhan dari kampung, sejak zaman asasi lagi. Qayyum menuntut di universiti awan yang sangat hebat, dalam bidang Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan. Berbekalkan ilmu yang ada, dia membuka perniagaan di kampung. Selain untuk membantu warga kampung, dia juga telah memberikan kemudahan kepada orang luar yang ingin menikmati laut di sini.

Qayyum berbesar hati untuk berkongsi laut ini dengan insan-insan lain. Dia tahu, laut bukan miliknya, tapi milik Tuhan. Jadi, atas alasan apa dia tidak berkongsi nikmat Tuhan dengan orang lain. Dia yakin, nikmat Tuhan untuk hambanya bukan untuk dimiliki, tapi dinikmati serta dikongsi bersama orang lain. Oleh itu, Qayyum nekad, membuka tempat

peranginan di sini supaya para pengunjung boleh berehat dan menginap di samping memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk kampung.

Perjalananya tak mudah, tapi atas dasar minat Qayyum tidak pernah berasa lelah. Lagipun, usianya masih muda. Tiada alasan untuk dia bermalas-malasan. Alhamdulillah, urusannya mudah. Sekarang, perniagaannya sudah bertapak hampir lima tahun. Masih baru, namun segalanya berjalan lancar. Tetapi dia tidak boleh menipu, dunia perniagaan ni banyak turun naiknya, lagi-lagi apabila wujudnya sifat dengki dalam diri. Mana mungkin dia boleh lupakan peristiwa gelap itu; yang menyebabkannya serta penduduk kampung hampir kehilangan nyawa, juga hampir memusnahkan kampungnya.

Mei 2010. Bulan kesedihan, yang tidak akan luput daripada memorinya.

Pagi itu, Qayyum membuat rutinnya. Berjalan sekitar resort untuk beramah mesra dengan pekerjaanya. Mereka bukan orang asing bagi Qayyum, orang kampung itu juga. Baginya, ini amat penting untuk mengeratkan hubungan sesama mereka. Juga peluang ini Qayyum gunakan agar persekitaran di tempat kerja berada pada tahap yang baik. Sesudah itu, dia berjalan ke pantai, untuk memastikan semuanya indah seperti biasa. Kebersihan serta keaslian alam semula jadi di pantai menjadi perkara utama yang dia jaga. Tidak sedikit pun dia ingin mengusik bahagian-bahagian di pantai ini. Pada Qayyum, dia tiada hak.

Tetapi hari ini matanya menangkap sesuatu yang tidak enak untuk dipandang. “Ish, tak pernah-pernah ada sampah ni”, monolog Qayyum sendiri. Qayyum sendiri akan memastikan pantai ini dibersihkan setiap hari. Ada satu kumpulan yang Qayyum sediakan khas untuk memastikan ia berjalan lancar dan sesi pembersihan akan dilakukan setiap petang. “Ni baru awal pagi, kenapa sudah banyak sampah?” dia bertanya sendirian. Terus dia berjumpa Muhammad, ketua yang menjaga bahagian kebersihan laut yang juga rakannya sejak kecil.

“Kami dah bersihkan macam biasa Qayyum. Dan dalam dua tiga ni pun sampah agak banyak.” ujarnya. Qayyum tahu, benda ini tidak boleh dibiarkan.

Seminggu berlalu, namun keadaan makin teruk. Ada beberapa perkara pelik yang dia tidak faham. Sampah-sampah ini bukan sampah biasa. Seakan-akan datang dari tempat lain. Bukan daripada warga kampung ataupun pengunjung. Qayyum berasa risau. Ada sesuatu yang mengganggu fikirannya.

Dan perkara ini semakin teruk, hari demi hari. Sedih bercampur geram perasaan Qayyum pada waktu itu, tetapi tiada apa yang mampu dia lakukan.

Malam itu angin begitu kuat, hujan juga sangat lebat. Tapi, malam ini keadaannya agak luar biasa. Alunan zikir tidak lekang daripada bibir Qayyum. Dia berharap tiada apa buruk yang berlaku namun jauh disudut hatinya, ada sesuatu yang tidak baik mungkin akan berlaku.

2:00 pagi.

Hujan sudah berhenti, namun angin semakin kuat. Bunyi ombak juga sangat kuat. Ombak seakan-akan mengganas pagi itu. Notifikasi tidak berhenti berbunyi daripada telefon Qayyum. Orang kampung juga begitu risau. Kali terakhir perkara ini berlaku sekitar 50 tahun lepas. Rata-rata anak muda tidak lahir lagi pada waktu itu. Apa yang akan berlaku?

Bunyi guruh saling barsahutan di langit. Tiada siapa berani untuk keluar dari rumah kerana bunyi angin terlalu kuat. Tidak mampu kudrat manusia untuk menahan. Ketua kampung mengingatkan anak buahnya untuk sentiasa berzikir dan beristighfar. Para lelaki mengalunkan azan di rumah masing-masing. Tidak lupa juga, bacaan yasin dibaca berulang-ulang kali.

Tiba-tiba, dentuman yang sangat kuat telah berlaku! Bukan satu, tetapi tiga kali. Qayyum tahu, bunyi itu dari arah laut. Dia dapat merasa, laut seakan-akan mengamuk. Marah dengan tangan-tangan manusia. Beberapa ketika, keadaan mulai reda. Tetapi ketua kampung tidak mengizinkan orang kampung untuk keluar dari rumah. Qayyum dapat merasakan laut memuntahkan airnya, tetapi bukan hanya di pantai, tetapi lebih daripada itu. Lokasi pertama yang akan terjejas ialah resortnya yang betul-betul berada di pinggir pantai.

Keesokan paginya, hanya pemuda-pemuda kampung dibenarkan keluar oleh tok ketua. Keadaan pagi itu sungguh sayu. Matahari juga seakan-akan menyorok di belakang awan dan tidak mahu mengeluarkan sinarnya. Sedih, tapi rasa syukur tetap hadir kerana tiada nyawa yang diragut. Menitik air mata Qayyum melihat perkara ini berlaku. Mujur para pengunjung tidak ramai pada waktu itu. Inilah yang berlaku pada kampung ini, 50 tahun lalu, namun keadaannya kini tidak sama, malah lebih teruk akibat sampah sarap yang dibawa oleh laut.

Sebahagian pusat peranginan milik Qayyum musnah, dihentam kayu-kayan dan dipenuhi sampah sarap di sekelilingnya. Begitu juga kawasan pantai. Terlalu banyak sisa sampah sehingga hampir menutupi pantai dan seluruhnya. Laut benar-benar marah hingga hampir meranapkan tempat kebanyakan penduduk kampung mencari rezeki; pusat penginapan milik Qayyum.

Resort itu ditutup sekitar dua bulan, bertujuan untuk membaiki segala kerosakan. Setelah disiasat, segala sampah itu datangnya dari kilang, yang baru sahaja dibuka tidak jauh dari kampung itu. Mereka bukan sahaja membuang sisa toksik ke laut, malah segala sampah hasil daripada operasi mereka juga dibuang ke laut. Ditambah pula dengan sikap segelintir manusia yang tidak pernah bersyukur dengan nikmat Tuhan ini. Doa Qayyum pada Tuhan, moga Allah menyedarkan dan mengampuni tangan-tangan manusia ini.

Dan demikian, hakikat sebenarnya, segala yang berlaku adalah berpunca daripada manusia itu sendiri. Qayyum tekad, untuk terus melindungi laut ini, yang sentiasa memberikan ketenangan kepada hati-hati manusia. Itu sahaja cara dia berterima kasih pada alam yang dimiliki Tuhan Maha Pencipta. “Tuhan, kuatkan aku untuk terus melindungi alam”, itu doanya setiap kali berada di pantai.

Kejadian itu benar-benar menyedarkan Qayyum, laut ‘memulangkan’ semula harta milik manusia.

Daripada manusia untuk manusia.

